

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Newspaper  
Date

Utusan Malaysia  
12/07/2012

TEKS ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Majlis Malam Malah Jabatan Peguam Negara, di Grand Ballroom, Kuala Lumpur Convention Centre, semalam.

12/07/2012

**ALHAMDULILLAH**, syukur ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmat-Nya maka dapat kita bersama-sama pada malam yang penuh bermakna ini. Saya gembira dan bangga kerana akhirnya saya dapat menunaikan janji saya untuk meraikan warga Jabatan Peguam Negara melalui makan malam yang diadakan di atas usaha gigih mereka untuk memudah cara kerajaan dalam merealisasikan Pelan Transformasi Politik Negara yang merupakan sebahagian daripada Dasar Transformasi Nasional ke arah sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi.

Saya dimaklumkan rami yang menerima jemputan untuk ke majlis pada malam ini terkejut kerana Tan Sri terkenal dengan sifat frugal tetapi malah yakin dengan kehadiran jemputan apabila dimaklumkan bahawa Perdana Menteri yang akan membayarnya. "One of the trustees is reported to have remarked "that's more like it".

Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Tan Sri Abdul Gani Patil, Peguam Negara Malaysia dan seluruh warga Jabatan Peguam Negara.

#### JABATAN PEGUAM NEGARA

Jabatan Peguam Negara merupakan antara jabatan yang merupakan tonggak utama pentadbiran negara Malaysia. Jabatan Peguam Negara berurusan dengan semua selaku Penasihat Undang-undang kepada kerajaan tetapi juga selaku Pendakwa raya serta Pengubah Undang-undang. Jabatan ini bertindak ibarat kompas yang memberi petunjuk bagi memastikan prinsip-prinsip Keuhlian Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang sentiasa dijunjung.

Dalam melaksanakan amanah yang seberat ini, sememangnya segala tidak-tanduk tu-an dan pu-an-puan ini sentiasa menjadi perhatian umum. Saya sedar pujian dan celaan yang datang silih berganti menjadi asan garam kehidupan setiap warga Jabatan Peguam Negara.

Namun, saya sangat berbangga kerana warga Jabatan Peguam Negara tidak pernah lekka dengan sajian dan pujian serta tidak pula melatah dengan celaan dengan tohmah dan fitnah. Saya percaya, semua cabaran berjaya ditempuh dengan berkesan kepada setiap orang profesionalisme yang tinggi dan keikhlasan tu-an tu-an dan pu-an-puan untuk berkhidmat demi negara yang tercinta.

#### PROGRAM TRANSFORMASI POLITIK: JANJI DITEPATI

Pada 15 September 2011 yang lalu, saya telah pun berjanji kepada rakyat Malaysia untuk mengubah landskap politik negara sejajar dengan kehendak dan aspirasi rakyat. Program Transformasi Politik ini merupakan pelengkap kepada Dasar Transformasi Nasional yang bukan sahaja mendukung impak positif politik menjadi sebuah negara maju malah menjadi sebuah negara yang sentiasa menjunjung prinsip Keuhlian Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang.

Saya boleh melapor kepada rakyat Malaysia bahawa kerajaan telah menepati janji-janjinya. Undang-undang lapuk yang telah ditandatangan dan tidak lagi relevan seperti Akta Buang, Undang-undang Kediaman Terhad telah dimansuhkan. Undang-undang Baru seperti Akta Perhimpunan Aman telah digugurkan dalam rangka mengukuhkan hak undang-undang yang telah Perlembagaan iaitu untuk berhimpun secara aman.

Beberapa undang-undang sedia ada pula telah dipinda seperti Akta Mesin Cetak dan Penerimaan yang menghapuskan keperluan memperbaharui lesen tahunan serta Akta Universiti dan Kolej Universiti yang menjamin hak perlembagaan mahasiswa dan mahasiswa untuk menganggotai mana-mana parti politik.

Kerajaan juga telah bertindak untuk membatalkan tiga Perlembagaan yang ditandatangan pada 20 Disember 2011. Namun, usaha kerajaan tidak terhenti setakat itu sahaja. Sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa mengabdikan diri untuk rakyat, kita telah membuat keputusan bagi memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negara yang telah berkuat kuasa semenjak lebih lima puluh tahun lalu. Dalam rangka untuk mengimbangi keselamatan negara dan hak kebebasan rakyat dalam abad ke-21, kerajaan telah mengubah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

#### JURANG ANTARA TUDUHAN POLITIK DAN HAKIKAT SEBENAR

Kita mengambil langkah memansuhkan ISA kerana ia merupakan langkah yang betul dan kena pada masanya. Adalah tidak adil dan tidak benar sama sekali tuduhan liar yang mendakwa kita sebagai kerajaan bertindak secara represif dan zalim. Bukankah kerajaan ini yang mengambil langkah memansuhkan, meminda dan mengantikan undang-undang perlembagaan yang berkuat kuasa di atas. Bukankah tindakan kita melambangkan sikap progresif dan memerhatikan kebebasan individu dalam mengambil keputusan yang bijak sendiri. Seperti kata pepatah Inggeris "We need morale courage and we walk the talk". Nyata terdapat jurang besar antara tuduhan bersifat politik dan hakikat sebenar.

Bagitu juga tuduhan bahawa kerajaan menyalahgunakan kerakyatan mengumpul musuh-musuh politiknya. Ini tidak benar sama sekali. ISA telah diguna bagi menangani ancaman yang cuba menggunakan cara tidak berlembagaan sama ada secara halus atau terbuka untuk membahayakan demokrasi itu sendiri. Tidak dapat dinafikan ISA telah memainkan perannya di dalam era yang lalu untuk menyelamatkan kebebasan individu, sistem Demokrasi Berparlimen, Raja Berlembagaan serta kemakmuran negara daripada ancaman totalitarisme.

Namun cabaran keselamatan yang dihadapi negara dan dunia hari ini adalah berbeza dengan cabaran yang dihadapi negara dan dunia masa lalu. Masa telah berubah dan

# Mengubah Akta Keharmonian Nasional



Kerajaan telah membuat keputusan agar Akta Hasutan 1948 dimansuhkan dan digantikan dengan suatu rang undang-undang yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan menggantikan Akta Hasutan dibuat kerana kita mahu mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan bersuara di antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara

terhadap rakyat Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia kita harus berfikir bahawa jika ada mana-mana kaum Malaysia agama di-sakiti maka seolah-olah semua kaum dan semua agama rakyat Malaysia sama-sama disakiti bak kata pepatah Melayu cubit pada leman maki pada kiti akan terasa.

Hari ini Malaysia ialah sebuah negara yang sedang berada dalam peralihan atau transisi daripada sebuah negara yang berstatus membangun kepada sebuah negara maju. Kestabilan politik, dasar-dasar yang progresif, sistem demokrasi berparlimen, kebebasan kehakiman dan penghormatan terhadap prinsip kedaulatan undang-undang semenjak mereka lebih lima puluh tahun lalu telah membolehkan Malaysia mencipta kejayaan demi kejayaan.

Walaupun cabaran yang kita hadapi sebagai sebuah negara cukup kompleks dan unik kita masih mampu menggarap kejayaan. Bukan sedikit negara yang berbilang kaum yang menjadi negara gagal kerana tidak bijak menguruskan kepelbagaian yang ada. Apatkah lagi negara sekompleks Malaysia yang berbilang kaum dan berbilang bahasa, budaya, bahasa, status sosio-ekonomi di samping dipisahkan secara fizikal oleh lautan.

Gerita kejayaan Malaysia dimungkinkan oleh sistem nilai yang meralkan kepelbagaian sebagai sumber kekuatan negara bukannya sebagai penyebab kelemahan. Kejayaan kita juga berpaksi kepada rakyat Malaysia yang mengamalkan sikap kesederhanaan dan pandangan hidup yang positif. Mereka melihat hari ini sebagai lebih baik daripada hari semalam dan hari esok sarat dengan harapan dan kemungkinan.

Pada kemuncakannya kita berjaya kerana kita menganalisis Malaysia bersatu tanpa mengira perbezaan yang wujud. Perpaduan nasional ini disaksikan di atas titik persatuan dan perseruan yang wujud di antara kita. Bahwa kita semua merupakan warga Malaysia yang mencintai tanah airnya. Malaysia ialah tempat tumpah darah kita, tempat menumpahkan setiap yang tidak berbelah bagi, tempat kita mencari rezeki, tempat kita membangun dan memajukan Malaysia untuk bersama-sama membuat untuk anak cucu kita.

Menjadi tanggungjawab setiap kita anak-anak Malaysia untuk bersama-sama membuat untuk negara yang kita dambakan. Sebagai Malaysia di mana individu akan dinilai berdasarkan bakat, kesanggupan untuk bekerja keras, kesanggupan mengambil risiko serta karakter yang dimiliki berbanding ras, setiap anak Malaysia adalah penting untuk litaran politik untuk memulakannya. Kita menentukan outcome yang sama namun kita bertanggungjawab menyediakan peluang yang equitabel atau salansara.

Saya tidak mengatakn usaha kita ini akan sentiasa berjaya lancar atau kita akan sentiasa menemui kejayaan pada setiap peringkat namun ialah satu kesilapan jika hanya kerana perjalanan ini sukar maka kita tidak mempunyai keberanian moral dan litaran politik untuk memulakannya. Kita sesungguhnya mempunyai tanggungjawab kepada generasi Malaysia mendatang untuk mewariskan kepada mereka Malaysia yang lebih baik.

Kerajaan sedar bahawa umum mengganggah tawaran ini kerana ia menimbulkan pertanyaan untuk merencanakan tindakan dan pandangan yang tidak sejalan dengan kerajaan. Walaupun anggapan sedemikian adalah tidak berasas sama sekali, kita perlu menghapuskan persepsi tersebut. Lantaran itu, peruntukan-peruntukan baru ini tidak akan

menghalang rakyat untuk mengkritik kerajaan dan pentadbiran keadilan. Sebarang perubahan menghina maklumat akan di kendalikan sendiri oleh pihak kehakiman melalui peruntukan-peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah yang sedia ada.

Namun, perlu juga saya tekankan di sini bahwa kebebasan bercakap dan bersuara hendaknya sentiasa diimbangi dengan keperluan untuk mengekalkan keharmonian, ketenteraman dan keselamatan umum. Sebagaimana negara-negara lain yang menjunjung prinsip Kedaulatan Undang-undang (Rule of Law), kebebasan bercakap dan bersuara bukanlah satu hak yang diberikan secara mutlak sebaliknya dibatasi dengan sekatan-sekatan yang sewajarnya.

Sejtru juga di Malaysia, kebebasan bersuara adalah bertukar kepada sekatan-sekatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang dirasikan amat perlu apabila lagi dalam suasana kemajmukan masyarakat Malaysia yang unik dan rumit sifatnya.

Namun, yang paling utama, kerajaan akan tetap memastikan bahawa peruntukan-peruntukan baru ini tidak akan menjejaskan kuasa untuk menangan perubahan dan perlakuan yang berikut:

- (i) Mendapatkan kebebasan dan pengharasan atau bagi mengefektifkan perundangan tidak serta kepada Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja;
- (ii) Mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; dan
- (iii) Mempersoalkan apa-apa hak, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif sebagaimana yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III atau Peraka 152, 153 dan 181 Perlembagaan Persekutuan.

Sebelum mengubah Rang Undang-undang Keharmonian Nasional ini kerajaan ingin menjemput pandangan dan pendapat rakyat Malaysia. Kami mengemukakan mahupun perubahan mengenai perkara yang perlu dirangka dalam merangka perundangan ini. Jabatan Peguam Negara telah ditugaskan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk mendapat sudut pandangan semua stakholder.

Pada analisis akhirnya saya teringat kepada pendapat ahli falsafah terheor Britin, John Locke. "The end of law is, not to abolish or restrain, but to preserve and enlarge freedom". Second Treatise Of Civil Government (1690)

#### PENUTUP

Melalui pemansuhan dan pengubalan undang-undang yang sedang berjalan, kerajaan mahu mempromosikan keharmonian yang mencukupi disediakan untuk perbezaan pendapat serta persaingan idea. Pucuk kerakyatan yang berbilang kaum di seluruh Malaysia di mana prinsip hak asasi manusia dan kebebasan individu untuk menentukan pendapat serta hak untuk mengemukakan kepentingan individu dan komuniti diimbangi.

Malaysia mahu menjadi sebuah negara maju yang sebenar-benarnya bukan sahaja maju daripada segi ekonomi tetapi juga dari segi GNI dan pembangunan fizikal semata-mata. Kemajuan yang kita inginkan adalah menyeluruh. Kita mengemukakan semua aspek termasuk secara psikologi.

Pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang terencana ini perlu digubal dengan lima ikur Rukun Negara yang dilulus setiap rakyatnya. "Keuhlian Perlembagaan" atau "Upholding the Constitution" dan "Kedaulatan Undang-undang" atau "Rule of Law" yang merupakan dua prinsip yang sentiasa dijunjung tinggi. Tanggungjawab ini bukan sahaja digalas oleh Jabatan Peguam Negara tetapi juga oleh semua pihak bagi memastikan bahawa prinsip-prinsip ini dijunjung tinggi.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada urus setia yang telah bertukar silih berganti perkhidmatan dalam majlis malam ini. Kepada seluruh warga Jabatan Peguam Negara, segala usaha dan komitmen yang telah anda lakukan amat saya menghargai. Teruskanlah bakti dan aman. Saya berharap agar jabatan ini akan terus menjadi contoh kepada penjawat awam yang lain.

#### ➢ BISIK-BISIK

AWANG ingat isu cerai-berah, putu-melaku, sembahyang dua luan yang berpunca daripada perbezaan fahaman politik orang Melayu telah berakhir dan ia menjadi teladan dan pedoman hidup bermasyarakat.

Malangnya, satu kes percerai terbaru di Kelantan yang dikatakan berpunca daripada perbezaan fahaman politik, membuka semula cerita-cerita malang yang melanda masyarakat kita terutamanya pada 1970-an dan 1980-an dahulu.

Ketika itu keruluan bermasyarakat terjejas apabila berlaku pulu-melaku majlis keramaian seperti kendat-kendat walaupun ia melibatkan saudara-mara sendiri, semata-mata kerana perbezaan ideologi politik.

Malah, bagi kes-kes teruk di sepanjang tempat, sembahyang Jummat pun dibuat dua kali, melibatkan inam yang berbeza. Ia berjaya atas alasan serupa.

Awang berhubung kisah sliam itu kekal sebagai cerita teladan yang patut dimatangkan pemikiran masyarakat Malaysia. Dan, kisah di Kelantan itu jika tidak puncanya, biarlah menjadi satu kes terpelik.

Amibillah pendekatan yang berhemah, sembahyang dua luan yang dilakukan apa jua perkara termasuk ketika berpolitik.

Kita sudah tentu tidak mahu melihat masyarakat kita berpecah-belah seperti dahulu semata-mata kerana fahaman sempit mengenai penglibatan seseorang dalam politik. Lihatlah penglibatan politik seseorang itu dalam konteks yang betul seperti mana kita melihat penglibatan seseorang dalam bidang-bidang yang lain.

Awang - Bersatulah kita.  
Awang Selamat